

09/05/1999

Ekonomi Malaysia jadi kes kajian

GEORGETOWN: Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata beberapa negara dan institusi kewangan antarabangsa kini menjadikan Malaysia kes kajian bagi menyelesaikan krisis ekonomi.

Beliau berkata, walaupun sebelum ini Malaysia dicemuh berikutan langkah kawalan modal dilaksanakan tetapi kini banyak negara menghadapi masalah sama mahu mengetahui keberkesanan kaedah yang digunakan.

Menurutnya, kini sudah ada komen yang membina mengenai usaha Malaysia menyelesaikan masalah ekonominya dan pihak terbabit kagum dan terkejut dengan kejayaan dicapai.

"Ini satu perkembangan yang mengembirakan kita walaupun kita tidak mengharapkan pujian daripada mereka," katanya ketika merasmikan ulangtahun ke-75 Dewan Perniagaan dan Industri Kaum India Malaysia Pulau Pinang di sebuah hotel di Batu Ferringhi, semalam.

Turut hadir, Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon; Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Yahaya Abdul Hamid; Presiden Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian India Malaysia, Senator Datuk VKK Teagarajan; dan Presiden Dewan Perniagaan dan Industri Kaum India Pulau Pinang, Datuk Markend D Joshi.

Abdullah berkata, Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) sendiri berpendapat kawalan modal dilaksanakan Malaysia berjaya dan boleh digunakan, oleh itu ia perlu dikaji.

"Selepas cara Malaysia dijadikan kes kajian ia bakal diperkenalkan di negara lain yang menghadapi masalah sama," katanya.

Menurutnya, usaha itu berjaya adalah disebabkan Malaysia melalui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mempunyai keyakinan tinggi terhadap usaha pemulihan dilaksanakan termasuk kerjasama setiap golongan rakyat.

Sementara itu, katanya, kerajaan tidak pernah menyisihkan mana-mana kaum di negara ini tetapi mahukan setiap kaum dapat menikmati faedah dan keuntungan kesan daripada pertumbuhan ekonomi negara.

Beliau berkata, Dewan Perniagaan India Malaysia sebagai sebuah dewan perniagaan yang sudah wujud begitu lama dan berpengalaman dapat membantu bukan saja kaum India tetapi juga memberi sumbangan pada rakyat Malaysia lain.

(END)